

27 JAN 2001

Ling-PAS

DR M IKHLAS DALAM PAS MENYERTAI BN, KATA DR LING

KUALA KUBU BAHARU, 27 Jan (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ikhlas dalam berkata PAS boleh menyertai semula Barisan Nasional (BN) dan Umno tidak akan menghalangnya.

Dr Ling menyifatkan kenyataan Perdana Menteri itu sebagai seruan perpaduan bagi semua.

Beliau berkata kenyataan Dr Mahathir menunjukkan pentingnya perpaduan bagi semua masyarakat.

"Saya rasa kenyataan Dr Mahathir dibuat dengan penuh ikhlas kerana saya rasa mana-mana masyarakat yang berpecah hanya rugi sendiri kerana setiap masyarakat mempunyai agenda masing-masing," kata beliau kepada pemberita di perhimpunan Tahun Baru Cina yang dianjurkan oleh MCA Bahagian Hulu Selangor di sini.

Dr Mahathir yang juga presiden Umno berkata di Jitra pada Khamis yang Umno tidak akan menghalang PAS jika parti itu mahu menyertai BN.

Dr Ling berkata setiap masyarakat mempunyai agenda yang perlu diperjuangkan yang bukan sahaja akan membantu masyarakat itu sahaja tetapi juga membantu dalam meningkatkan perpaduan negara.

"Jadi, sentiasa terdapat agenda untuk kemajuan," dan menambah kata perpecahan akan hanya menghalang masyarakat terbabit dan menjejaskan perpaduan.

Beliau berkata, adalah lebih mudah jika setiap orang dalam masyarakat bekerjasama untuk mencapai agenda itu di sebalik saling berkonflik.

"(Tetapi ada kalanya), ia mungkin sukar untuk mencapai agenda yang lebih kecil berbanding yang lebih besar kerana sering kali yang kecil itu merupakan agenda etnik," katanya.

Dr Ling juga berkata keputusan Kementerian Pendidikan menempatkan semula SJK (C) Damansara sebagai satu keputusan bijak.

Semalam Kementerian itu memutuskan yang sekolah rendah itu mesti terus kekal di premis semmentaranya di SJK (C) Puay Chai II sehingga sebuah sekolah baru di Tropicana disiapkan dalam tempoh dua tahun.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata, bangunan lama sekolah itu di Seksyen 17 Petaling Jaya akan ditutup.

Dr Ling berkata, anggota lembaga gabenor serta Persatuan Ibu Bapa Dan Guru sekolah itu meminta ia dipindahkan atas alasan baik.

Lokasi sekarang sekolah yang berusia 70-tahun itu tidak lagi sesuai bagi sebuah institusi pendidikan kerana sebuah lebuh raya sedang di bina di situ, kesesakan lalulintas, pencemaran udara dan bunyi serta saiz kecil sekolah itu -- 10,666 meter persegi bagi 1,500 pelajar, kata beliau.

-- BERNAMA

RIZ DC TS PR